

03 SEP 1998

Anwar-Reaksi (Zaharah)

PERGERAKAN WANITA UMNO AKUR KEPUTUSAN PM

KOTA BAHARU, 3 Sept (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akur dengan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata: "Kita akur dengan keputusan Perdana Menteri dan menunggu arahan Majlis Tertinggi untuk membuat sebarang ulasan mengenai kedudukannya (Anwar)."

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut ketika ditemui pemberita selepas merasmikan kursus keusahawanan wanita yang dianjurkan oleh Wawasanita dan Rumpun Giat Maju di sini, hari ini.

Sementara itu, Siti Zaharah berkata wanita disaran mengikuti pelbagai kursus yang dianjurkan di bawah program pembangunan usahawan sebelum menceburi bidang perniagaan bagi mengelak kesan kegawatan ekonomi.

Katanya, dengan menghadiri kursus yang diadakan, wanita dapat mempelajari teknik terbaru bagi menjalankan perniagaan serta mendapatkan modal dari saluran yang lebih selamat.

"Kita yakin penganjur kursus akan mendedahkan pelbagai teknik perniagaan terbaru terutama ketika negara mengalami kegawatan ekonomi," katanya yang juga Timbalan Menteri Kesihatan.

Siti Zaharah berkata, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan peruntukan termasuk pelbagai pinjaman kepada wanita untuk mengusahakan bidang perniagaan.

Sehubungan itu, beliau menasihati wanita yang memperolehi pinjaman menggunakan dengan bijak serta mematuhi syarat-syarat seperti membayar balik pinjaman mengikut jadual.

"Kalau boleh pengusaha menghasilkan produk yang terbaik dan baru untuk dikomersilkan bagi membantu memulihkan ekonomi negara," katanya.

Selain itu, katanya Pergerakan Wanita Umno juga menyokong penuh langkah kerajaan mengawal pertukaran matawang dan mengikat nilai ringgit pada kadar tetap dalam usaha menangani kegawatan ekonomi negara.

Seramai 150 peserta dari seluruh Kelantan mengikuti kursus yang dianjurkan selama sehari itu.

-- BERNAMA

ANM BD KHY